

BAB V : **PENUTUP**

6.1 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Setelah melakukan huraian dan analisa yang ringkas terhadap ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam *Tafsīr Āyāt al-Āhkām Min al-Qurān* karya Muḥammad `Alī al-Šābūnī, pengkaji dapat memberikan beberapa rumusan dan kesimpulan terhadap kajian tersebut:

Pertama; ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam *Tafsīr Āyāt al-Āhkām Min al-Qurān* karya Muḥammad `Alī al-Šābūnī adalah yang paling banyak dibandingkan rawi-rawi sahabat terkenal yang lain iaitu 34 ḥadīth. Jumlah tersebut terbahagi dalam beberapa sub tajuk; *al-Āhkām al-Shar`iyyah* ada 24, *Laṭāif al-Tafsīr* ada 3, *Sabāb al-Nuzūl* ada 6, dan lain-lain 1. Daripada hasil penyelidikan didapati, 21 ḥadīth adalah *sahīh*, manakala yang lainnya *da`īf*. Jadi, secara umum, kualiti ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās sangat baik, kerana kuantiti *sahīh*-nya lebih banyak dari yang *da`īf*.

Kedua; Peranan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās secara umum sangat besar dalam *Tafsīr Āyāt al-Āhkām Min al-Qurān* karya Muḥammad `Alī al-Šābūnī, kerana telah memberikan kepastian dalam sebuah keputusan hukum, sama ada dalam pertelagahan sebuah masalah feqah antara beberapa mazhab atau sebagai *asbāb al-nuzūl* turunnya daripada sebuah ayat. Dalam penyelidikan pengkaji, didapati ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās telah menjadi penyelesaian daripada sebuah masalah feqah dalam 19 perkara yang dibincang dan 3 sebab turunnya ayat al-Qur'an. Selain itu, al-Šābūnī juga telah menukil 83 *āthar* yang berasal dari Ibnu `Abbās. 42 dari *athar* itu menjadi rujukan dalam masalah-masalah hukum.

Ketiga; Ibnu `Abbās adalah salah seorang tokoh hebat dalam sejarah Islam, khususnya dalam bidang ḥadīth dan tafsir. Ketokohnya dibuktikan oleh pengakuan sahabat-sahabat terkenal seperti Sa`ad bin Abī Waqqās. Khalifah `Umar bin al-Khattāb malah menjadikannya rujukan dalam hal agama dan Uthmān bin `Affān ketika menjadi khalifah menjadikannya sebagai penasihat. Kepakarannya dalam bidang tafsir dibuktikan oleh ramainya murid-murid beliau yang telah belajar daripadanya, sehingga menjadi ulama terkenal dan seringnya dijadikan rujukan oleh beberapa sahabat dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang tidak diketahui maksudnya. Dalam bidang ḥadīth pula dibuktikan dengan jumlah ḥadīth yang diriwayatkannya iaitu sebanyak 1660 yang tersebar dalam pelbagai kitab ḥadīth saat ini.

Keempat; Muḥammad `Alī al-Šābūnī adalah seorang ulama yang sangat pakar dalam ilmu tafsir. Hal ini dibuktikan dengan dua karyanya yang banyak dipuji orang iaitu *Safwat al-Tāfṣīr* dan *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qurān* serta beberapa karya lainnya. Kerana jasanya tersebut, beliau mendapat penghargaan berupa “*Am al-Shakhsiyah*” daripada Kerajaan Dubai tahun 2002. Penghargaan ini dianugerahkan kepada individu-individu Muslim yang cemerlang dalam menghasilkan karya yang berkualiti serta mengabdikan hidupnya untuk kepentingan agama dan umat Islam.

Kelima; secara metodologi, pengkaji dapat merumuskan bahawa *Kitāb Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān* karya Muḥammad `Alī al-Šābūnī; (a) Metode tafsir yang digunakan penulis adalah tematik atau *mawḍu’i* iaitu satu metode tafsir yang mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tujuan yang satu, yang bersama-sama membincang tajuk tertentu sesuai dengan sebab-sebab turunnya, kemudian memperhatikan ayat-ayat tersebut dengan penjelasan-penjelasan, dan hubungannya dengan ayat-ayat lain, kemudian mengistinbatkan sebuah hukum, (b) Dilihat daripada sumber pentafsirannya, tafsir ini dapat dikategorikan

Tafsīr bi al-Ma'thūr. Kerana hampir semua ayat al-Quran, beliau mentafsirkan menggunakan al-Quran, ḥadīth Rasulullah, *qawl* sahabat, dan Ijmāk Ulama, (c) Dilihat dari metode analisisnya, tafsir ini bersifat *tafsīlī* (terperinci). Hal ini dibuktikan dengan sepuluh metode pentafsiran yang diguna pakai penulis, (d) Tafsir ini banyak menggunakan pendekatan teks tual. Pendekatan teks tual adalah sebuah pendekatan pembelajaran al-Quran yang menjadikan lafaz-lafaz al-Quran sebagai objek. Pendekatan ini menekankan analisisnya pada sisi kebahasaan dalam memahami al-Quran.

Akhirnya, pengkaji melafazkan *Wallaḥu A`lam bi al-Šawāb* seperti yang selalu diucapkan Muḥammad `Alī al-Šābūnī, terutamanya berkaitan dengan *Tarjīh* dalam sebuah masalah hukum yang diperdebatkan. *Amin*.

6.2 SARANAN DAN CADANGAN

Berdasarkan, kajian yang telah dilakukan, adalah wajar untuk pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan untuk kesinambungan kajian dan penyelidikan pada masa akan datang.

Pertama: kepada seluruh pelajar dalam bidang Pengajian Islam, khususnya dari kalangan para pelajar Ijazah Tinggi.

1. Perlu menjadikan al-Quran dan al-Ḥadīth hidup dalam diri masing-masing. Ini kerana, kalau diperhatikan kini tidak ramai yang betul-betul menguasai dan memahami kedua sumber utama dalam Islam tersebut. Bahkan, adalah jauh sekali masa ini, juga di Tanah Melayu ini menjumpai intelektual atau ulama yang sangat menguasai kedua aspek tersebut, apatah lagi menghasilkan karya yang sangat baik. Dari itu, memerlukan pelajar yang bertungkus-lumus menguasai al-Quran dan al-Ḥadīth sekali gus. Sebab, kedua bidang ilmu itu tidak dapat dipisahkan. Ianya sangat

berkait rapat antara satu sama lain. Hasil karya yang baik daripada ulama kontemporari ialah seperti mana yang dihasilkan oleh Muḥammad `Alī al-Şābūnī dari karyanya *Kitāb Tafsīr Āyāt al-Ahkām min al-Qur’ān*.

2. Berusaha untuk meneliti ḥadīth-ḥadīth dalam kitab-kitab tafsir, sama ada klasik atau moden, terutamanya tafsir-tafsir yang menjadi rujukan masyarakat akademik atau awam, seperti mana yang dihasilkan oleh Muḥammad `Alī al-Şābūnī daripada karyanya *Kitāb Tafsīr Āyāt al-Ahkām min al-Qur’ān*. Sebab, tafsir-tafsir tersebut menjadi rujukan dalam proses pembelajaran atau ibadah sehari-hari. Dengan adanya proses penyelidikan, maka ia akan memberi kepastian tentang *maqbūl* atau *mardūd*nya sebuah ḥadīth.

Kedua: Kepada Pihak Jabatan al-Quran dan al-Ḥadīth.

1. Menganjurkan seminar pemikiran tokoh-tokoh ulama Islam yang hebat dalam berkarya dan memperkenalkannya kepada masyarakat.
2. Menghasilkan banyak penerbitan yang berunsur jurnal, majalah, maqalah dan sebagainya, khusus memberi pendedahan tentang tokoh-tokoh ulama kontemporari dan sumbangan mereka dalam bidang keilmuan dan perkembangan Islam semasa.
3. Berusaha mendapatkan dan menyenaraikan karya dan khazanah ulama kontemporeri mengikut bidang ilmu seperti tafsir dan pengajiannya, ḥadīth dan pengajiannya, ilmu tajwid, qiraat dan sebagainya.

Ketiga: Kepada Para Ulama, Guru-Guru dan Ilmuwan Islam.

1. Terus berusaha untuk mendalami ilmu pengetahuan khususnya berkaitan dengan al-Quran dan al-Ḥadīth serta ilmu-ilmu yang lain, agar dapat menjadi jurutunjuk kepada masyarakat umum.

2. Menjadikan *Kitāb Tafsīr Āyāt al-Ahkām min al-Qur’ān* oleh Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī ini sebagai satu bahan pengajaran kepada masyarakat kerana karya tersebut adalah karya tafsir feqah yang membincang tentang panduan-panduan ibadah yang betul dalam Islam disertai hujah naqliyah dan aqliyah sekali gus, apalagi perbincangannya sangat menarik dan tidak fanatik mazhab.
3. Berpegang kepada ḥadīth seperti mana Nabi s.a.w bersabda; ﴿بَلَّغُوا عَنِّي وَلَنْ آتِيَّهُمْ﴾,¹ iaitu “*sampaikanlah dariku walaupun satu ayat*”. Iaitu saranan dan galakan Nabi s.a.w agar menyampaikan kepada orang lain ilmu yang dimiliki untuk manfaat orang lain. Peranan para ilmuwan di sini adalah sangat penting agar dapat menyampaikan apa yang diketahui kepada masyarakat seluruhnya.

Keempat: Kepada Pihak Akademi Pengajian Islam.

1. Menjadikan bidang kajian terhadap ulama kontemporari sebagai satu bidang ilmu yang lebih khusus untuk Jabatan atau subjek tertentu agar kajian dan penyelidikan khususnya terhadap khazanah ulama kontemporari Islam dapat diperhalusi dan diperincikan dengan lebih lagi.
2. Memperbanyakkan bahan-bahan rujukan di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, dan jika mampu, boleh dikumpulkan secara khusus karya-karya ulama kontemporari Islam dalam satu ruangan khusus untuk tatapan, rujukan serta kajian para pelajar khususnya dari kalangan pelajar Ijazah Tinggi.

¹ ḥadīth riwayat al-Bukhārī dalam sahihnya (*Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bāb ﴿كَمَا ذُكِرَ عَنْ نَبِيِّ اسْمَاعِيلَ﴾, ḥadīth no. 3202 daripada ḥadīth `Abd Allāh bin `Amru r.a. Lihat Muḥammad bin Ismā`il Abū `Abd Allāh al- Bukhārī al-Jā'fī (1987), *al-Jāmi' al-Sāḥīh al-Mukhtasar*, ditahqiqkan oleh Dr. Mustafā Dīb al-Baghā, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr al-Yāmāmāh, j. 11, h. 277.

3. Mengadakan kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi yang lain sama ada di dalam negara atau luar negara, dalam usaha pengkajian terhadap ulama-ulama kontemporari serta sumbangan mereka terhadap bidang keilmuan Islam.